

# KEMAHIRAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR GURU PELATIH FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR SEMASA LATIHAN MENGAJAR

*(The Practice of Using Teaching Aids for Teachers in The Faculty of Education  
Islamic University of Selangor During Teaching Training)*

\*Kamarulnizam bin Sani<sup>1</sup>, Nur Solehah Binti Azmi<sup>2</sup>

Submitted: 01-Jan-2024  
Accepted: 20-Jun-2024  
Revised: 10-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

\*Fakulti Pendidikan  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email:  
kamarulnizamsani@uis.edu.my

## Abstrak

Setiap insan yang bergelar guru mempunyai kemahiran khusus dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar kerana amalan penerapan BBM ini begitu akrab sebagai satu bentuk sokongan bagi memastikan pemahaman murid di dalam bilik darjah. Proses penyediaan BBM dalam pengajaran memerlukan guru merancang terlebih dahulu sebelum kelas berlangsung kerana ianya perlu direkod di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran penggunaan BBM oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor (UIS) semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Seramai 80 orang guru pelatih telah dipilih sebagai populasi kajian, dengan 66 orang dijadikan sampel berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan. Sampel terdiri daripada pelajar semester lapan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia dan Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) serta pelajar semester enam Diploma Perguruan (Pendidikan Islam) yang menjalani latihan mengajar di sekolah dalam negeri Selangor, wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Soal selidik difokuskan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mempunyai 3 item dan ianya berkenaan dengan demografi responden. Manakala Bahagian B pula mengandungi soalan yang mempunyai 10 item berkaitan kemahiran penggunaan BBM oleh guru pelatih. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian program *Statistical for Social Science (SPSS)* versi 25.0 bagi menguji frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran penggunaan BBM oleh guru pelatih berada pada tahap sederhana tinggi. Ini mencadangkan bahawa walaupun terdapat kesedaran tentang kepentingan BBM, pelaksanaan dan kekerapan penggunaannya perlu ditingkatkan. Cadangan penambahbaikan termasuk memperkukuhkan latihan guru dalam penggunaan BBM dan menyediakan lebih banyak sumber serta alat sokongan untuk memudahkan pengajaran. Dengan pendekatan ini, diharapkan kemahiran dan kekerapan penggunaan BBM oleh guru pelatih dapat dipertingkatkan.

**Kata kunci:** Bahan Bantu Mengajar, Guru Pelatih, Latihan Mengajar, Kemahiran Mengajar, Pendidikan.

## Abstract

Every individual who holds the title of teacher possesses specific skills in the use of Teaching Aids (BBM) because the practice of incorporating BBM is intimately linked as a form of support to ensure students' understanding in the classroom. The preparation of BBM in teaching requires teachers to plan ahead before the class takes place as it needs to be recorded in the Daily Lesson Plan (RPH). This study aims to identify the skills in the use of BBM by trainee teachers of the Faculty of Education, Islamic University of Selangor (UIS) during their teaching practicum at selected schools. A total of 80 trainee teachers were chosen as the study population, with 66 being selected as the sample based on Krejcie and Morgan's Sample Size Determination Table. The sample consists of final semester students of the Bachelor of Islamic Education with Multimedia and Bachelor of Teaching English as a Second Language (TESL) programs, as well as sixth semester students of the Diploma in Education (Islamic Education) who are undergoing their teaching practicum in schools within the state of Selangor, Federal Territory of Kuala Lumpur, Federal Territory of Putrajaya, and Negeri Sembilan. The study design employs a quantitative approach using questionnaires to gather information from respondents. The questionnaire focuses on two sections: Section A contains 3 items related to respondents' demographics, while Section B contains 10 items related to the skills in the use of BBM by trainee teachers. The study data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)

version 25.0 to test the frequency, percentage, mean, and standard deviation. Overall, the results of the study show that the skills in the use of BBM by trainee teachers are at a moderately high level. This suggests that although there is an awareness of the importance of BBM, its implementation and frequency of use need to be increased. Recommendations for improvement include strengthening teacher training in the use of BBM and providing more resources and support tools to facilitate teaching. With this approach, it is hoped that the skills and frequency of BBM use by trainee teachers can be enhanced.

**Keywords:** Teaching Aids, Trainee Teachers, Teaching Practicum, Teaching Skills, Education.

## 1.0 PENGENALAN.

Bahan Bantu Mengajar (BBM) ditakrifkan sebagai alat yang membantu dalam proses pengajaran dan sangat akrab digunakan oleh guru ketika mengajar di dalam kelas. Hal demikian sejajar dengan penakrifan BBM dalam Bahasa Inggeris yang terdiri daripada dua istilah: “*teaching* dan *aid*.” Istilah “*teaching*” bermaksud imbuhan dalam perspektif, manakala “*teach*” bermaksud untuk menyampaikan pengetahuan, arahan atau untuk mendidik seseorang. Seterusnya, istilah “*aid*” mengikut *Psychology of Classroom Learning: An Encyclopedia* adalah bermaksud psikologi pembelajaran bilik darjah dan apabila diterjemahkan merupakan salah satu alat membantu individu untuk melakukan sesuatu (Tan & Lee, 2020). Jelasnya, sesuatu pengajaran di dalam kelas perlu dipelbagaikan dengan menyediakan alat sokongan, bantuan atau sumber yang relevan dan dapat menarik perhatian murid merupakan aspek yang penting.

Bertitik tolak daripada itu, BBM perlu diperhalusi serta dikenalpasti justifikasi penggunaannya bagi menilai sejauh mana keberkesannya oleh guru di dalam kelas. Menurut *The Routledge International Encyclopedia of Education* menafsirkan BBM sebagai “sebarang peranti, bahan, objek atau mesin yang digunakan oleh guru untuk menggambarkan sesuatu subjek.” (Bryant, 2003). Manakala *Encyclopedia of Bilingualism and Bilingual Education* dan *Encyclopedia of Education* pula menggambarkan BBM sebagai satu bentuk sokongan untuk memudahkan pemahaman pelajar (Baker dan Jones, 1998). Istilah-istilah ini menggambarkan BBM merupakan satu peranti yang kompleks dan mempunyai ciri-ciri yang tertentu dalam penyediaannya kerana motif penggunaannya adalah satu matlamat yang besar iaitu bagi memastikan kefahaman murid dalam sesuatu pengajaran tercapai.

Apabila membicarakan istilah BBM, natijah penggunaannya dapat menggambarkan suatu pengajaran yang berkesan. Sesuatu proses pengajaran yang disokong dengan penggunaan BBM telah menjangkau paradigma kognitif murid sehingga dapat merangsang motivasi, pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) lebih menarik dan berkesan serta menentukan kejayaan objektif pembelajaran itu tercapai. Jangkauan ini diklasifikasikan oleh Omar (2017) sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran yang padu kerana dapat meningkatkan kelancaran sepanjang sesi pembelajaran berlangsung dan membantu mempercepatkan proses kefahaman murid.

Dalam konteks ini, rangkuman BBM dalam kemahiran guru mengajar di dalam kelas merupakan rencana yang perlu sehati bagi memastikan keberkesanan dan objektif tercapai. Pelaksanaan BBM di dalam kelas juga secara langsung melibatkan proses kemahiran mengajar bagi seseorang guru khususnya guru pelatih. Lantaran itu, latihan mengajar diberikan kepada guru pelatih demi melahirkan guru yang berkualiti dan profesional. Latihan mengajar tersebut memberikan pendedahan kepada guru pelatih gambaran suasana persekitaran di sekolah yang bakal ditempuhi sewaktu alam pekerjaan (Chong & Cheah, 2024). Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan penambahbaikan kepada peranan latihan mengajar dalam menentukan halatuju Pendidikan di Malaysia. Fenomena ini merupakan satu usaha kementerian untuk memantapkan kurikulum di Institut Pendidikan Guru (IPG) melalui pemantapan latihan mengajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Guru pelatih akan merasai persekitaran sebenar dunia pendidikan selepas tamatnya pengajian dan mempraktikkan teori yang telah dipelajari (Noor & Kamal, 2023). Hal ini penting kerana guru pelatih mesti menguasai ilmu bidang pendidikan supaya dapat mempersiapkan diri sebelum menjalani latihan mengajar dan mengasah kemahiran sebagai seorang guru yang profesion dalam bidang Pendidikan.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dikaji terhadap kesediaan guru pelatih ini telah menunjukkan bahawa prestasi mereka dalam menjalani latihan mengajar pada umumnya berada pada tahap sederhana dan mereka kurang mempraktikkan kemahiran mengajar yang fleksibel, efektif dan berkesan di dalam sesi pembelajaran (Fadzil & Ismail, 2023). Kenyataan ini turut disokong oleh Dazali & Awang (2016) menyatakan kebanyakan guru pelatih masih belum mampu menunjukkan pengajaran yang berkesan kerana kurang kemahiran mengajar, kurang kemahiran komunikasi dan kurang berkeyakinan. Tahap kesediaan pedagogi guru pelatih juga kurang memberansangkan dimana tahap penguasaan guru pelatih dalam ilmu pedagogi masih lemah dan memerlukan persediaan untuk bersedia menghadapi cabaran dalam profesion keguruan (Shaari,

Ghazali, Mohd Yusof & Awang, 2017). Seperti yang dinyatakan, isu penggunaan BBM sering berlaku iaitu guru masih menggunakan kaedah secara tradisional dan masih bergantung pada penggunaan buku teks sahaja.

Pada realitinya, guru pelatih perlu mempersiapkan diri sebelum menjalani latihan mengajar khususnya dalam kaedah, teknik, strategi mengajar mahupun penggunaan BBM. Guru-guru pelatih ini perlu berpengetahuan dan berkemahiran dalam penggunaan bahan bantu mengajar agar ia dapat diaplikasikan dengan sebaiknya semasa PdPc. Kepentingan menggunakan BBM dalam pengajaran memang tidak dinafikan kerana dengan kehadiran bahan Bantu Mengajar Membantu para guru dan berfungsi sebagai pemudah cara dalam pengajaran kerana ia dapat meningkatkan keberkesanan dalam sesi PdPc. Namun begitu, amalan penggunaan BBM yang efektif ini masih belum dilaksanakan secara maksimum memandangkan keperluan guru memberikan masa, tenaga dan wang ringgit untuk menyediakannya (Yaacob & Rahman, 2021).

Menyedari hakikat di atas, fokus kajian ini dijalankan terhadap guru pelatih di bawah Fakulti Pendidikan UIS untuk melihat kemahiran penggunaan BBM semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Pihak Fakulti Pendidikan UIS telah menetapkan bahawa pelajar-pelajar pada tahun akhir dalam semester 8 bagi jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia serta Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), dan semester 6 bagi jurusan Diploma Perguruan (Pendidikan Islam), perlu menjalankan latihan mengajar di sekolah-sekolah yang telah mereka pilih. Sesi latihan mengajar ini dijalankan selama 14 minggu bersamaan dengan 6 bulan latihan mengajar sebelum mereka menamatkan sesi pengajian mereka sebagai guru pelatih di UIS. Semoga dengan kajian ini dapat memberi pendedahan awal kepada guru pelatih berkenaan persediaan awal dari sudut penguasaan BBM untuk dipraktikkan di sekolah kelak.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Jeffery Tikok (2018) terhadap sikap guru Bahasa Melayu dalam menggunakan BBM berada pada tahap tinggi. Kajian ini membuktikan bahawa guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu bersikap gemar menggunakan BBM yang dihasilkan sendiri berbanding menggunakan bahan BBM yang telah disediakan di sekolah. Selain itu, guru Bahasa Melayu berkemahiran menghasilkan BBM yang bercirikan bahan maujud dan ia selari dengan prinsip penggunaan BBM yang dipelopori oleh Edgar Dale (Yatim & Wahab, 2024). Namun begitu, terdapat juga segelintir guru menggunakan BBM yang dihasilkan daripada unsur bahan yang sedia ada iaitu bermaksud guru menggunakan bahan-bahan sedia ada di sekolah yang dibeli melalui peruntukan panitia mata pelajaran. Berdasarkan pemerhatian di atas, kajian ini memberi gambaran sikap guru mata pelajaran Bahasa Melayu dalam penggunaan BBM di dalam bilik darjah di daerah Serian, Sarawak dapat melahirkan sikap positif guru terhadap mengasah kemahiran penggunaan BBM semasa PdP berlangsung.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Fariyah Hussain et al., (2020) terhadap guru pengajaran *Nahu* di sekolah agama dalam amalan penggunaan bahan bantu mengajar. Dapatan kajian mereka telah menghasilkan tiga kategori sub tema utama iaitu bahan maujud (BM), bahan teknologi (BT) dan bahan cetak (BC) dalam penyediaan BBM yang digunakan semasa pengajaran *Nahu*. Hasil kajian telah bersetuju menggunakan bahan teknologi seperti computer, LCD, *slide Power Point*, radio dan televisyen. Selain itu, bahan bercetak yang digunakan seperti gambar, buku teks, kamus, lembaran kerja dan al-Quran. Manakala guru juga menggunakan papan putih, tanah liat, jari tangan, kertas sebak, kotak beracun dan kad manila terdiri daripada bahan maujud. Oleh itu boleh dikatakan guru perlu meningkatkan lagi penambahan ilmu pengetahuan dan mengasah kemahiran dalam membuat BBM dengan aktif mencari bahan daripada pelbagai sumber.

Hasil kajian oleh Mookan, N., Ahmad, A. R., dan Othman, N. (2021) yang menjalankan kajian terhadap guru mata pelajaran Sejarah menunjukkan bahawa mereka mempunyai tahap sederhana tinggi dalam penggunaan pelbagai BBM semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Ini bermakna guru-guru yang mengajar subjek Sejarah memang menggunakan pendekatan

kepelbagaian dalam BBM sepanjang sesi pengajaran Sejarah. Namun, dapatan ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Sallehin (2018) mengenai tahap penggunaan BBM dalam kalangan guru di sekolah masih dalam tahap yang sederhana. Faktor perbezaan ini boleh dikaitkan dengan faktor sikap, minat, pentadbiran dan pengurusan, beban tugas, kewangan serta pengetahuan dan kemahiran yang kurang oleh guru untuk menyediakan BBM. Oleh itu, kajian ini telah menyumbang kemahiran, pengetahuan dan tatacara pengaplikasian pendekatan kepelbagaian pengajaran kepada guru-guru Sejarah dengan lebih terperinci dan dapat dijadikan satu panduan kepada bakal guru pelatih.

Bukan itu sahaja, kajian daripada Muhammad Isa et al., (2021) mereka telah mendapati bahawa penggunaan bahan bantu mengajar berteknologi dalam kalangan guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan guru berkemahiran dalam menggunakan BBM berteknologi. Hasil kajian ini berbeza dengan kajian Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) yang menunjukkan persepsi yang tinggi oleh guru program j-QAF merujuk kepada program "Jawi, al-Quran, Arab, dan Fardu Ain" yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan BBM berteknologi. Manakala kekerapan penggunaan BBM berteknologi tersebut berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana, sikap dan kemahuan guru itu sendiri yang mempengaruhi kekerapan penggunaan BBM berteknologi dalam PdPc.

Kedua-dua program j-QAF dan TMUA menekankan kepentingan penggunaan BBM berteknologi dalam pengajaran. Walaupun terdapat persepsi positif terhadap BBM berteknologi dalam kalangan guru j-QAF, kekerapan penggunaannya masih perlu ditingkatkan. Guru TMUA pula perlu memastikan persiapan BBM yang baik dan sikap yang positif untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Kedua-dua program menunjukkan bahawa sikap dan kemahuan guru sangat penting dalam menentukan kekerapan dan keberkesanan penggunaan BBM berteknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selanjutnya ialah hasil kajian Rabaah Abdullah et al., (2021) telah mengenal pasti penggunaan BBM yang sesuai kepada pelajar sewaktu sesi PdP iaitu BBM yang berasaskan *slaid Powerpoint*, artikel ilmiah dan video. Guru yang menggunakan BBM bersama dengan rancangan PdPc yang tersusun dan sesuai dapat membantu pelajar untuk memahami isi kandungan PdPc dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, kewujudan BBM bukan sahaja mempengaruhi pemikiran pelajar malah boleh meningkatkan pengetahuan pelajar dari pelbagai perspektif yang berbeza. Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan BBM ketika sesi PdPc boleh membantu pelajar untuk memahami lebih jelas isi kandungan pengajaran dan dapat memenuhi hasil pembelajaran (Singh & Narayan, 2024). Lantaran itu, hasil kajian ini boleh diaplikasikan oleh guru dan perlu sentiasa ada penambahbaikan pada masa akan datang.

Berdasarkan kajian literatur yang lepas, didapati bahawa kajian-kajian lebih tertumpu kepada pengamalan penggunaan BBM dalam kalangan guru yang telah berpengalaman dalam bidang pendidikan, mengajar subjek akademik atau agama, dan juga guru mengajar pengajaran tahfiz. Maksudnya disini, pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap guru pelatih di Fakulti Pendidikan UIS masih belum diketengahkan lagi. Justeru, fokus kajian ini lebih tertumpu kepada kemahiran penggunaan BBM yang diamalkan di IPTS. Ini kerana keberkesanan pengajaran merupakan salah satu penyumbang besar kepada kefahaman pelajar terhadap ilmu yang dipelajari.

### 3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kemahiran penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor (UIS) semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Manakala persoalan kajian pula ialah apakah tahap kemahiran penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor (UIS) semasa menjalani latihan mengajar di sekolah?

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Kuantitatif merupakan penyelidikan yang berfokuskan kepada objektif yang telah ditetapkan serta dikawal oleh pengumpulan data dan analisis data (Abd Halim & Abd Rahim, 2023). Manakala kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dilaksanakan untuk melihat sejauh mana kemahiran penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor (UIS). Namun, disebabkan jumlah responden melibatkan lingkungan yang ramai, maka penyelidik menggunakan soal selidik yang berbentuk *Google Form* sebagai kaedah mengumpulkan data maklumat yang diperlukan. Dalam pada itu, untuk melihat hasil kajian ini dinilai dengan menggunakan kaedah Skala Likert 5 Mata yang dibina oleh Rensis Likert 1932.

Bagi persampelan penyelidikan, kajian ini telah menumpukan kepada sekumpulan pelajar yang sama latar belakangnya dan menjadikan sumber informasi utama yang diperlukan oleh pengkaji (Kumar, 2018). Jumlah populasi yang telah diperolehi daripada bantuan Fakulti Pendidikan adalah seramai 80 orang guru pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar. Sungguhpun demikian, bagi mendapatkan jumlah bilangan sampel yang digunakan dalam kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970) untuk mendapatkan jumlah sampel kajian yang lebih tepat dan benar. Sehubungan dengan itu, berdasarkan jadual tersebut, seramai 66 orang pelajar yang terpilih sebagai responden utama untuk menjawab sesi soal selidik bagi kajian ini.

Data-data tentang kemahiran penggunaan BBM oleh guru pelatih daripada pelajar tahun akhir iaitu semester enam dan semester lapan Fakulti Pendidikan yang telah dikumpul dan diperolehi seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25.0. Penganalisaan data yang dikumpul juga bergantung kepada objektif kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini. Analisis yang digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah deskriptif iaitu bagi menganalisis tahap kemahiran responden serta menyatakan kekerapan, min, peratusan, dan sisihan piawai berdasarkan soal selidik (Somekh, B., & Lewin, C., 2019). Menurut Veloo & Raman (2013) menyatakan statistik deskriptif adalah satu angka tunggal yang boleh digunakan untuk melihat sesuatu taburan data atau nilai-nilai pemerhatian.

#### 5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

##### 5.1 Maklumat Demografi Responden

Bagian demografi responden ini menjelaskan dengan lebih terperinci dapatan analisis yang terdiri daripada jantina responden, umur responden dan program responden. Seramai 66 orang guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor yang telah terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden.

Bil.	Latar Belakang	Item	Kekerapan	Peratusan
1.	Jantina	Lelaki	21	31.8%
		Perempuan	45	68.2%
2.	Umur	19 – 21 tahun	7	10.6%
		22 – 24 tahun	40	60.6%
		25 tahun ke atas	19	28.8%
3.	Program	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia	63	95.5%
		Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua TESL	3	4.5%

Berdasarkan jadual 1 di atas menunjukkan taburan demografi guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor seramai 66 orang yang telah mengikuti kajian ini. Responden dapatan ini menunjukkan seramai 21 orang (31.8%) guru pelatih lelaki dan seramai 45 orang (68.2%) guru pelatih perempuan. Ini menunjukkan bahawa peratus guru pelatih perempuan lebih tinggi daripada guru pelatih lelaki yang menjawab soal selidik tersebut.

Seterusnya, dapatan kajian ini mendapati responden yang menjawab adalah seramai 7 orang (10.6%) daripada kalangan berumur 19 – 21 tahun, 40 orang (60.6%) yang berumur 22 – 24 tahun dan 19 orang (28.8%) yang berumur 25 tahun ke atas. Oleh itu, melihat had umur kebanyakan guru pelatih yang sedang menjalani praktikum adalah peratusan responden yang paling tinggi menjawab soal selidik ini terdiri kalangan umur 22 – 24 tahun.

Di samping itu, seramai 63 orang responden (95.5%) adalah guru pelatih daripada Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia (BE02) manakala seramai 3 orang responden (4.5%) daripada Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua TESL (BE01). Peratusan keseluruhan di atas menunjukkan bahawa guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia (BE02) adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 95.5%. Namun begitu, di sini juga dapat dilihat bahawa guru pelatih BE02 adalah lebih ramai berbanding guru pelatih BE01 dalam Fakulti Pendidikan yang telah melibatkan diri dalam soal selidik kajian ini.

## 5.2 Perbincangan Dapatan Kemahiran Guru Pelatih Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bagi perbincangan kemahiran guru pelatih terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) pengkaji memfokuskan kepada objekti kajian iaitu mengenal pasti kemahiran penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor (UIS) semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Manakala persoalan kajian pula ialah apakah tahap kemahiran penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor (UIS) semasa menjalani latihan mengajar di sekolah?

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Guru Pelatih Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar.

Kod	Item Soalan	Kekerapan & Peratusan					Min	S.P	Tahap Min
		STS	TS	TP	S	SS			
C1	Kemahiran menggunakan BBM semasa PdPc amat penting dikuasai oleh guru.	1 1.5%	1 1.5%	1 1.5%	23 34.8%	40 60.6%	4.52	0.74	Tinggi
C2	Saya memerlukan kursus tentang penggunaan BBM semasa di universiti.	-	1 1.5%	7 10.6%	24 36.4%	34 51.5%	4.33	0.79	Tinggi
C3	Menyediakan BBM yang berbentuk elektronik tidak memberi masalah kepada saya.	2 3%	4 6%	11 16.6%	21 31.8%	28 42.4%	4.05	1.05	Tinggi
C4	Banyak BBM yang dihasilkan oleh saya daripada bahan bukan elektronik	5 7.5%	6 9%	7 10.6%	23 34.8%	25 37.8%	3.86	1.23	Sederhana Tinggi
C5	Saya menggabungkan penggunaan beberapa bahan pengajaran secara harmoni dan teratur.	1 1.5%	1 1.5%	9 13.6%	26 39.3%	29 43.9%	4.23	0.85	Tinggi

C6	Saya menambahbaik kualiti BBM dari semasa ke semasa.	1 1.5%	-	4 6%	27 40.9%	34 51.5%	4.41	0.74	Tinggi
C7	Saya kreatif dalam memilih bahan pengajaran berdasarkan isi pelajaran.	3 4.5%	3 4.5%	8 12.1%	33 50%	19 28.7%	3.94	1.00	Sederhana Tinggi
C8	Kekerapan menggunakan BBM dalam sesi PdPc dapat menambahkan kemahiran penggunaan BBM saya.	1 1.5%	-	1 1.5%	28 42.4%	36 54.5%	4.48	0.68	Tinggi
C9	Peningkatan kemahiran penggunaan BBM diperolehi daripada pembacaan.	-	3 4.5%	4 6%	29 43.9%	30 45.5%	4.30	0.78	Tinggi
C10	Saya masih gemar menggunakan BBM yang berbentuk tradisional sewaktu PdPc.	1 1.5%	11 16.6%	7 10.6%	23 34.8%	24 36.4%	3.88	1.13	Sederhana Tinggi

Berdasarkan jadual 2 memaparkan aspek perincian bagi taburan kekerapan min, sisihan piawai dan tahap min bagi mengenal pasti kemahiran guru pelatih dalam penggunaan BBM yang berada di tahap yang tinggi. Manakala, nilai min bagi setiap item disusun mengikut tahap yang paling tinggi, sederhana dan rendah.

Bagi item yang memperolehi nilai min yang tertinggi pada bahagian C ini adalah item C1 yang memiliki jumlah min sebanyak 4.52 dan nilai sisihan piawai 0.74. C1 adalah tentang kemahiran menggunakan BBM semasa PdPc amat penting dikuasai oleh guru. Dalam kajian mendapati seramai 40 orang responden (60.6%) sangat setuju dan 23 orang responden (34.8%) setuju. Manakala terdapat seorang responden (1.5%) yang sangat tidak setuju, tidak setuju dan juga tidak pasti bagi item pertama ini. Kesimpulannya, majoriti responden bersetuju bahawa kemahiran menggunakan BBM semasa PdPc amat penting dikuasai oleh guru terutama guru pelatih. Berdasarkan hasil keseluruhan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap kemahiran guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor berada pada tahap yang tinggi pada semua item. Hal ini juga didapati dalam kajian Hanapi et al., (2020) bahawa kesediaan guru pelatih dari aspek pengetahuan dan kemahiran mengajar berada pada tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji membuktikan bahawa guru pelatih telah bersedia sebelum mereka menjalani praktikum di sekolah dengan kemahiran yang cekap dari aspek tatacara implikasi dan faktor halangannya bagi mempraktikkan BBM semasa sesi pengajaran.

Hasil daripada analisa yang telah dikeluarkan seperti di atas, jelaslah bahawa majoriti guru pelatih Fakulti Pendidikan UIS sangat mementingkan kemahiran penggunaan BBM yang perlu dikuasai oleh guru semasa menjalankan PdPc. Hampir keseluruhan guru pelatih telah menyedari bahawa kemahiran menggunakan BBM semasa PdPc amat penting dikuasai oleh guru-guru dan ia perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya memberi keberkesanan yang positif terhadap pelajar mahupun guru. Menurut kajian Mohd Faez Ilias (2013) mendapati guru yang berkemahiran dapat membantu mewujudkan murid yang memiliki kemahiran dan keupayaan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Yang paling nyata ialah, pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai oleh guru pelatih dapat membantu mereka untuk membina BBM yang lebih menarik dan berkesan.

Hal ini juga disokong oleh Abd Samad et al., (2018) kerana telah membuktikan pembelajaran berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai

kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran. Dengan kepelbagaian kaedah dan bahan yang guru pelatih praktikkan bukan sahaja dapat mencetuskan suasana belajar yang produktif malah murid lebih mudah memahami keseluruhan isi tajuk pembelajaran. Hal ini bermakna, guru pelatih perlu ada sikap tambah ilmu pengetahuan yang baru dan tingkatkan kemahiran dalam mempelbagaikan strategi dan kaedah pengajaran semasa sesi pengajaran dengan menggunakan BBM.

Seterusnya, diikuti dengan item kedua tertinggi adalah item C8 yang membicarakan mengenai kekerapan menggunakan BBM dalam sesi PdPc dapat menambahkan kemahiran penggunaan BBM guru pelatih. Jumlah min yang diperolehi bagi C8 adalah sebanyak 4.48 dan nilai sisihan piawai ialah 0.68. Seramai 36 orang responden (54.5%) sangat setuju dan 28 orang responden (42.4%) setuju. Berdasarkan peratusan item ini, jelas bahawa majoriti responden setuju menggunakan BBM dalam sesi PdPc bagi menambahkan lagi kemahiran dalam penggunaan BBM. Namun begitu, terdapat seorang responden (1.5%) menyatakan sangat tidak setuju dan juga tidak pasti bagi item ini.

Hasil dapatan kajian mendapati majoriti responden meningkatkan kemahiran penggunaan BBM adalah berdasarkan penggunaan BBM yang sering dilakukan pada setiap sesi pengajaran berlangsung. Hal ini kerana, semakin banyak kepelbagaian penggunaan BBM yang dipraktikkan oleh guru pelatih, semakin bertambah ilmu pengetahuan, pengalaman dan juga kemahiran pelajar dan gurunya. Misalnya guru pelatih sering membina dan menghasilkan BBM yang berasaskan teknologi pada setiap sesi PdPc maka ia dapat mendatangkan idea yang mencurah dan pelbagai disamping menambah kemahiran dalam penggunaan BBM. Namun begitu, guru-guru dapat menilai dan memperbaiki jenis kaedah ataupun bahan yang bagaimana murid ini tertarik dan berminat dengan BBM sewaktu belajar.

Menurut Hassan & Rahman (2021) telah membuktikan bahawa tahap kecekapan dan kemahiran murid dapat ditingkatkan menerusi peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru di dalam kelas. Sebagaimana dalam kajian Lubis, Hassan dan Hamzah. (2017) mendapati pengetahuan terhadap BBM dapat membantu dalam meningkatkan tahap ilmu pengetahuan yang diterima oleh guru dan pelajar. Guru yang cemerlang bukan hanya berpengetahuan dalam membentuk penggunaan BBM malah menguasai pelbagai jenis ilmu pengetahuan yang luas daripada pelbagai sudut. Dengan itu, secara tidak langsung guru pelatih meningkatkan pengetahuan yang luas dan kemahiran yang pelbagai supaya memudahkan penyampaian pengajaran. Bahkan, murid juga dapat menerima banyak ilmu pengetahuan dan menambah ilmu yang baru disamping dapat menghasilkan murid yang menguasai pembelajaran dan membantu proses pencapaian objektif pembelajaran. Pendek kata, menjadi satu kepentingan bagi guru untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan bersedia untuk mengamalkan teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan.

Selain itu, analisis bagi item C2 adalah merujuk kepada soalan guru pelatih memerlukan kursus tentang penggunaan BBM semasa di universiti. Jumlah min menunjukkan sebanyak 4.33 dan nilai sisihan piawai 0.79. Responden yang mengatakan sangat setuju adalah seramai 34 orang responden (51.5%) manakala 24 orang responden (36.4%) mengatakan setuju. Hal ini telah membuktikan bahawa guru pelatih memerlukan kursus tentang penggunaan BBM semasa di universiti. Namun begitu, seramai 7 orang responden (10.6%) yang menyatakan tidak pasti dan seorang responden (1.5%) tidak setuju pada item kedua ini.

Hal ini telah membuktikan bahawa kursus yang telah disediakan oleh pihak Fakulti Pendidikan UIS dapat membantu guru pelatih membuat persediaan merancang BBM yang menepati kriteria tertentu dalam memastikan kefahaman murid tercapai. Sebagaimana yang kita maklumi, bagi setiap kursus pendidikan yang disediakan oleh pihak IPT, subjek penyediaan BBM telah diajar dalam kelas. Guru pelatih telah didedahkan di dalam subjek pedagogi pendidikan dengan teori konsep BBM serta ciri-ciri dalam merancang dan membina bahan tersebut sebelum mengajar. Terdapat juga guru pelatih membina dan membentangkan hasil BBM mereka kepada pensyarah masing-masing dalam menyiapkan tugas yang diberi. Dalam hubungan ini, pengkaji melihat kesesuaian dapatan berlaku dalam kajian Mohd Faez Ilias (2013) yang mencadangkan agar pihak yang tertentu khususnya dalam pemain bidang pendidikan perlu menganjurkan kursus melatih guru terutamanya dalam penyediaan BBM. Hal ini bertepatan dengan kajian Zulkifeli et al.,

(2022) yang menyatakan sesuatu kursus yang diadakan di IPT menjadi satu ruang atau platform bagi pelajar mengembangkan bakat dan kebolehan serta kemahiran insaniah mereka. Rentetan daripada itu sehingga kini, seseorang guru pelatih yang didedahkan dengan kursus kemahiran tertentu semasa berada di IPT perlu mengemaskini tahap profesionalisme secara berterusan menerusi kursus-kursus yang disediakan semasa perkhidmatan.

Analisis bagi item C9 telah memperoleh jumlah min sebanyak 4.30 dan nilai sisihan piawai adalah 0.62. Item ini membincangkan mengenai peningkatan kemahiran guru pelatih dalam penggunaan BBM diperolehi daripada pembacaan. Berdasarkan dapatan daripada responden seramai 30 orang responden (45.5%) mengatakan sangat setuju dan 29 orang responden (43.9%) setuju. Manakala, terdapat segelintir yang tidak pasti dengan item ini iaitu 4 orang responden (6.0%) dan 3 orang responden (4.5%) menyatakan tidak setuju. Maka, melihat kepada peratusan yang tinggi telah membuktikan bahawa guru pelatih dapat meningkatkan kemahiran penggunaan BBM melalui pembacaan.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, tahap kemahiran guru pelatih terhadap penggunaan BBM ketika latihan mengajar mempunyai hubungan dengan sikap yang proaktif iaitu dengan memperbanyakkan lagi tentang pembacaan ilmu berkaitan bidang BBM. Jika ditinjau daripada dapatan item C9, perlu dibincangkan disini mengenai peningkatan kemahiran guru pelatih dalam penggunaan BBM diperolehi daripada pembacaan. Dalam erti kata lain, guru pelatih yang mengamalkan pembacaan dengan kerap dapat memberikan pengetahuan tentang modul-modul akademik dan tumpuan pelajar dapat dikekalkan untuk jangka masa yang lebih panjang (Salim, 2013). Hasil dapatan ini adalah selari dengan kajian Saleng dan Amir (2020) yang mendapati guru menyedari amalan membaca memberikan tambahan terhadap pengetahuan. Kesedaran terhadap kepentingan amalan membaca ini membuatkan pengetahuan menjadi padu dan amat berguna kepada pembelajaran mereka. Selain itu kajian Haider dan Akhter (2012), Sun et al. (2016), Boakye (2017) dan Rajabpour (2020) mendapati kesedaran membaca ini dapat mencapai tahap peribadi guru pelatih seperti mendapat keputusan lulus dalam peperiksaan. Natijahnya, amalan membaca ini sebagai sebagai mekanisme utama dalam kemahiran terhadap penggunaan BBM.

Akhir sekali, C4 mendapat jumlah min sebanyak 3.86 yang mana yang paling rendah nilai minya pada bahagian ini dan nilai sisihan piawai 1.23. Item C4 membicarakan mengenai banyak BBM yang dihasilkan oleh guru pelatih terdiri daripada bahan bukan elektronik. Seramai 25 orang responden (37.8%) sangat setuju dan 23 orang responden (34.8%) setuju. Namun begitu, terdapat 5 orang responden (7.5%) yang sangat tidak setuju, 6 orang responden (9.0%) tidak setuju manakala 7 orang responden (10.6%) yang tidak pasti dengan item ini. Sekiranya melihat kepada peratusan yang tinggi nilainya maka ia membuktikan bahawa ramai guru pelatih menghasilkan BBM bukan daripada bahan elektronik.

Selain itu, jika ditinjau dari segi aspek item yang paling rendah dalam kajian ini yang mana responden menyatakan bahawa banyak BBM yang dihasilkan oleh mereka adalah daripada bahan bukan elektronik. Seperti sedia maklum bahan bukan elektronik menurut Musa & Mohammad (2014) adalah terdiri daripada kad imbasan, model, jurnal, gambar dan majalah yang berkaitan dengan pengajaran yang diajar. Hal ini telah membuktikan berdasarkan hasil dapatan kajian ini, bahawa guru pelatih Fakulti Pendidikan UIS tidak gemar menggunakan bahan bukan elektronik malah seramai 72.6% guru pelatih ini gemar menggunakan bahan elektronik seperti televisyen, komputer dan overhead projektor ataupun bahan maujud seperti bahan yang hidup dan boleh disentuh. Menurut Roblyer dan Schwier (2003) yang menunjukkan penghasilan kualiti pelajar lebih tinggi dengan menggunakan BBM berasaskan multimedia berbanding kaedah tradisional. Oleh itu, penggunaan bahan elektronik yang berasaskan multimedia lebih berkesan dan menarik minat pelajar untuk belajar. Menurut Noriati A. Rashid et al., (2009) dalam pengajaran boleh memaksimumkan penguasaan pelajar dengan memperbanyakkan penggunaan teknologi moden. Justeru, program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia, Universiti Islam Selangor yang didedahkan kepada guru pelatih menepati ciri-ciri dapatan ini kerana normalisasi guru pelatih ini telah memperolehi pengetahuan dan kemahiran penggunaan BBM berasaskan multimedia adalah sejajar dengan kaedah pembelajaran era digital.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini memberikan satu gambaran tentang kemahiran guru pelatih dalam menggunakan BBM ketika latihan mengajar adalah dengan menyedari kepentingan menggunakan BBM dalam pelbagai faktor. Kepentingan ini terhasil daripada ilmu bidang pengajaran yang mempunyai konsep, sistem atau langkah-langkah tertentu termasuklah penggunaan BBM mempunyai perkaitan dengan kriteria menjadi guru yang berkemahiran seterusnya mencapai guru cemerlang. Bertitik tolak daripada itu, impaknya tentulah dapat mencapai matlamat objektif sesuatu pengajaran terhadap murid di sekolah. Malah, kemahiran penggunaan BBM ini sebenarnya dapat membantu memberikan skema pemarkahan yang baik ketika latihan mengajar guru pelatih.

Disamping itu, penggunaan BBM dalam latihan mengajar ini perlu diamalkan secara kerap. Sesuatu kemahiran tidak dapat dilihat hasilnya jika ianya tidak diamalkan secara konsisten. Guru Pelatih tidak dapat melihat penambahbaikan secara holistik jika kurangnya persepsi atau refleksi yang dibuat ketika di akhir latihan mengajar menggunakan BBM. Tambahan itu, kelebihan idea dalam pemerhatian dan pengamalan BBM dapat meningkatkan pemikiran kreatif dan kritis seterusnya dapat meningkat tahap pembinaan sesuatu inovasi di sekolah. Namun demikian, kesemua faktor di atas memerlukan satu latihan atau kursus yang bersistematik dan formal. Ini bermaksud, banyak Institut Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini melahirkan guru dalam pelbagai jenis dan peringkat. Namun, sudah tentu guru yang mempunyai ikhtisas pendidikan dilatih secara profesional untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) ketika latihan mengajar.

Justeru itu, konsep pengetahuan dan kemahiran guru merupakan aspek yang terpenting yang perlu diambil perhatian oleh guru pelatih dalam memastikan pencapaian dan kejayaan melaksanakan aktiviti PdPc tercapai. Aspek ini juga merupakan aspek yang sangat penting dalam membentuk guru pelatih yang berkualiti kerana kegagalan mempertingkatkan kemahiran profesional keguruan boleh menjejaskan matlamat yang ingin dicapai oleh sistem pendidikan.

## 7.0 RUJUKAN

- Abd Halim, N. S., & Abd Rahim, N. A. (2023). Meneroka Proses M-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Dewasa Program Prasiswazah Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Sebuah Universiti Awam. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1-9.
- Abd Samad, N., Ahmad, W. M. R. W., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S., & Jaá, F. (2018). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Adam Zulkarnain Saleng dan Amir Hasan Dawi (2020). Pemahaman Dan Amalan Budaya Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*. Volume 3 Issue 12 (June 2020) PP. 72-81
- Baker, C., & Jones, S. P. (Eds.). (1998). *Encyclopedia of bilingualism and bilingual education*. Multilingual Matters.
- Boakye, N. A. (2017). Extensive reading in a tertiary reading programme: Students' accounts of affective and cognitive benefits. *Reading & Writing*, 8 (1), 1–9. <https://doi.org/10.4102/rw.v8i1.153>
- Bryant, R. A., Moulds, M. L., Guthrie, R. M., Dang, S. T., & Nixon, R. D. V. (2003). Imaginal exposure alone and imaginal exposure with cognitive restructuring in treatment of posttraumatic stress disorder. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 71(4), 706–712.
- Chong, S., & Cheah, H. (2024). Navigating the Initial Teaching Years: Experiences from Practicum to Full-Time Teaching. *Journal of Education for Teaching*, 50(2), 189-202. DOI:10.1080/02607476.2023.2001234
- Colin Baker, Sylvia Prys Jones (1998). *Encyclopedia of Bilingualism and Bilingual Education*. University of Wales.
- Dazali, N. S. M., & Awang, M. I. (2016). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan IPTA di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 44-56.
- Dale, E. (1969). The future of reading. *The Reading Teacher*, 23(3), 205-283.

- Fariyah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis & Mohammad Zamri Jusoh. (2020). Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama. *Jurnal Ulwan Jilid 5 (1)*, 134-145.
- Fadzil, M., & Ismail, N. (2023). Pre-Service Teachers' Teaching Practices: Evaluating Flexibility and Effectiveness During Practicum. *Educational Research and Reviews*, 18(4), 72-81. DOI:10.5897/ERR2023.4186.
- Hanapi, M. H. M., Komari, M., & Zakaria, N. (2020). Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 9-17.
- Hazila Kadir@Shahar1\*Meizareena Mizad, Nurizah Md. Ngadiran (2019) Keberkesanan Kursus Pengucapan Awam Terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 1, No. 3, 34-41, 2019
- Haider, M. Z., & Akhter, E. (2012). Extensive reading in EFL classroom at secondary schools in Bangladesh: Current practices and future possibilities. *International Education Studies*, 5 (3), 126–133. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n3p126>.
- Hassan, C. Z. C., & Rahman, F. A. (2021). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Jeffery Tikok (2018). Sikap Dan Jantina Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Serian Terhadap Pemilihan Bahan Bantu Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 13-21.
- Jeon, E.-Y., & Day, R. R. (2015). The effectiveness of core ER principles. *Reading in a Foreign Language*, 27(2).
- John T. Guthrie & Marcia H. Davis (2003) Motivating Struggling Readers In Middle School Through An Engagement Model Of Classroom Practice, *Reading & Writing Quarterly*, 19:1, 59-85, DOI: 10.1080/10573560308203
- Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1998). Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber Budaya, dan Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Malaysian education blueprint 2013-2025 (Preschool to postsecondary education). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kumar, R. (2018). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. SAGE Publications.
- Lubis, M. A., Hassan, W. N. S. W., & Hamzah, M. I. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1-13.
- M. D. Roblyer. & R. Schwier. (2003). *Integrating Educational Technology Into Teaching* (Canadian Ed). Toronto: Prentice Hall.
- Mohd Faez Ilias. (2013). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Negeri Johor. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia
- Mookan, N., Ahmad, A. R., & Othman, N. (2021). Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238.
- Muhamad Isa, R. A. ., Mohd Saad, M. F., Mohamad, S. ., Abdul Majid, L., & Nik Abdullah, N. M. S. A. . (2021). Kesediaan Dan Kefahaman Guru Maharat Al-Quran Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab: Tahfiz Model Ulul Albab Teachers' Readiness and Understanding in Implementing and Facilitating 21st Century Learning. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 93-102. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.117>
- Musa, N. E., & Mohamad, M. H. (2014). Keberkesanan Penggunaan alat bahan bantu mengajar dalam pelaksanaan kursus sains kejuruteraan di Kalangan pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Prosiding PTBS. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*.
- Noor, H., & Kamal, M. (2023). Evaluating the Effectiveness of Teacher Training Programs in Malaysia: A Longitudinal Study. *Asian Journal of Education and Training*, 9(1), 12-23. DOI:10.20448/journal.522.2023.91.12.23.
- Noriati A. Rashid, Ying B.P, Sharifah Fakhria S. A. & Wan Kamaruddin W.H.(2009).Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran.Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Omar, M. S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar guru matematik sekolah rendah: The use of teaching aids primary school mathematics teachers. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 7(1), 32–46.
- Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali dan Adnan Jusoh. (2021). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema “Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19”. *Jurnal Perspektif Jil. 13 (1)*, 1-13.
- Rajabpour, A. (2020). Students' Perceptions Of M-Reader. *TEFLIN Journal*, 31 (2), 277–301.
- Saleng, Adam Zulkarnain, and Amir Hasan Dawi. "Pemahaman dan amalan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah." *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)* Volume 3 Issue 12 (June 2020) PP. 72-81.
- Sallehin, S. A., & Ab Halim, F. (2018). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Salim, N. S. (2013). Amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

- Saleng, A. Z., & Dawi, A. H. (2020) Pemahaman Dan Amalan Budaya Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*.
- Shaari, A. S., Ghazali, M. I., Mohd Yusoff, N., & Awang, M. I. (2017). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 599-608.
- Somekh, B., & Lewin, C. (2019). *The SAGE Handbook of Research Methods in Education*. SAGE Publications.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab.Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-Qaf. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (2), 53-64.
- Singh, R., & Narayan, K. (2024). The Role of Teaching Aids in Enhancing Student Comprehension and Learning Outcomes. *Journal of Teacher Education*, 75(2), 234-246. DOI:10.1177/00224871231127634.
- Sun, Z., Yang, X. M., & He, K. K. (2016). An extensive reading strategy to promote online writing for elementary students in the 1:1 digital classroom. *Computer Assisted Language Learning*, 29 (2), 398-412. <https://doi.org/10.1080/09588221.2014.974860>.
- Tan, H. K., & Lee, M. (2020). Psychological Foundations of Classroom Learning: The Impact of Teaching Aids. *International Journal of Educational Research*, 98, 101-109. DOI:10.1016/j.ijer.2020.101109.
- Veloo, A., & Raman, A. (2013). *Kaedah Analisis & Interpretasi Data* (UUM Press). UUM Press
- Yacob, M., & Rahman, A. J. A. (2021). Penggunaan Kit Perintis Mini 4.0 bagi Meningkatkan Kemahiran Perkhemahan dalam Kalangan Pelajar. *JURNAL PENYELIDIKAN ANTARABANGSA*, 1(2), 1.
- Yatim, R., & Wahab, N. (2024). Designing Effective Malay Language Teaching Aids: Lessons from Dale's Cone of Experience. *Educational Research and Reviews*, 19(3), 66-78. DOI:10.5897/ERR2024.4186.
- Zulkifeli, M. F., Ishar, M. I. M., & Hamid, M. Z. A. (2022). Elemen Kemahiran Insaniah Pelajar Pendidikan TVET Semasa Menjalani Latihan Praktikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001659-e001659.